

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

PERPUSTAKAAN
PARLIMEN
18 JAN 1982
No. _____

HARI ISNIN, 18HB JANUARI, 1982, PUKUL 2.30 PETANG

Bil.30

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

- *1. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimanakah sambutan masyarakat bandar khususnya terhadap projek Buku Hijau yang dilancarkan tidak lama dahulu untuk rakyat menanam sayur-sayur di sekitar kawasan rumah sebagai salah satu langkah menghadapi inflasi dan apakah usaha yang akan dibuat oleh Kerajaan untuk masyarakat bandar supaya mereka benar-benar menyahut seruan Buku Hijau itu.
- *2. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa baru-baru ini terlampau banyak jenayah berlaku secara mengguna senjata api; dari manakah senjata-senjata ini dibawa ke dalam negeri; berapa orang telah ditangkap dan dihukum di atas kesalahan ini; dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membasmikan bekalan dan menyalahgunakan senjata-senjata ini.
- *3. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:-
- (a) sama ada beliau sedar bahawa perkara menyiksa kanak-kanak sering terjadi dan jika sedar sama ada Kerajaan akan mengadakan satu Undang-undang untuk melindungi kanak-kanak daripada disiksa; dan
 - (b) sama ada Kementerian beliau telah mengadakan penerangan dan kursus-kursus supaya perkara menyiksa kanak-kanak tidak akan berlaku.
- *4. Tuan S.I.Rajah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah pasar borong di Jalan Ipoh akan dipindahkan ke Selayang dan sama ada kemudahan untuk berniaga akan diberi kepada Bumiputra di dalam pasar borong yang baru itu.
- *5. Tuan K.Kumaran minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian sudahpun membuat keputusan mengenai jenis jet pejuang yang akan dibeli kelak berikutan dengan pengubahan dasar Kerajaan Amerika atas penjualan jet-jet pejuang mereka.
- *6. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:-
- (a) rancangan Kementerian ini berhubung dengan nasib kira-kira 300,000 orang anak yatim di seluruh negara dan 60,000 di Wilayah Persekutuan pada masa sekarang; dan
 - (b) sama ada masanya belum sampai lagi bagi Kerajaan menubuhkan sebuah yayasan untuk anak-anak yatim dan juga mendirikan asrama-asrama bagi mereka di peringkat negeri dan Persekutuan.

/sh

*7. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) apakah dasar atau cara yang digunakan oleh beliau di dalam soal penghantaran guru mengajar di kawasan-kawasan pendalaman;
- (b) adakah Kementerian masih lagi menghadapi masalah atau dilema dalam menghantar guru-guru mengajar di kawasan pendalaman; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang untuk memberi saguhati atau elaun khas kepada guru-guru yang mengajar di kawasan-kawasan pendalaman sebagai ganjaran untuk memulihkan semangat dan sebagai galakan kepada mereka, walaupun terpaksa mengajar di kawasan-kawasan pendalaman dan jika tidak berikan sebab-sebabnya.

*8. Tuan M. Muthubalanisabban minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan sekolah Tamil yang kecil yang telah disatukan menjadi sekolah besar, dan menerima kemudahan-kemudahan setanding dengan sekolah-sekolah di bandar dan jika belum dilaksanakan bilakah dijangka penyatuan sekolah-sekolah Tamil yang kecil di negara ini akan disempurnakan; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan memberi kemudahan pengangkutan kepada murid-murid yang tinggal jauh untuk datang ke sekolah kumpulan tersebut.

*9. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan tindakan-tindakan yang sedang diambil dan kecapaian diperolehi untuk memajukan suatu kebudayaan Nasional dengan ketegasan iaitu kebudayaan-kebudayaan lain disatukan supaya menjadi suatu kebudayaan Nasional.

*10. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap kegiatan orang tengah yang banyak menimbulkan kerugian kepada nelayan-nelayan kita di negeri ini di semua peringkat.

*11. Dato' Yap Peng minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jalan Munshi Abdullah retak dan terpaksa ditutup kepada lalulintas baru-baru ini dan jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengelakkan daripada berlakunya kejadian ini lagi.

*12. Datuk Haji Mohd.Din bin Jaafar minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian berkenaan bercadang untuk mengadakan latihan bersama di antara Tentera Laut Diraja Malaysia dengan Angkatan Laut Diraja Brunei.

*13. Puan Rahmah Othman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-

- (a) bilangan persatuan pengguna yang mendapat bantuan wang dari Kementerian untuk bergerak cergas terutama untuk membuat kajian di atas barang-barang pengguna; dan
- (b) sama ada kajian dan cadangan yang dibuat oleh persatuan pengguna berhubung dengan barang-barang tiruan diterima oleh Kementerian.

- *14. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelajar-pelajar dari kaum China dan India di Kampong Terla, Cameron Highlands terpaksa menggunakan satu bangunan untuk belajar dan baru-baru ini satu perselisihan faham telah berlaku di antara pelajar-pelajar dua kaum ini sampai hampir tercetusnya perselisihan kaum; jika sedar apakah Kementerian bercadang untuk membina bangunan berasingan bagi pelajar India ataupun ada cara-cara lain bagi mengatasi perkara ini.
- *15. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kemasukan ayam-ayam Thailand ke Kelantan, melalui 74 orang saudagar di Market Kota Bharu sahaja berjumlah 14,000 ekor sehari dan tidak termasuk lain-lain bandar dan jika sedar:
- (a) sama ada Kerajaan telah mengambil tindakan tegas bagi mengatasi masalah tersebut;
 - (b) sama ada Kerajaan bercadang meluaskan lagi subsidi anak-anak ayam kepada penduduk luar bandar; dan
 - (c) sama ada Kerajaan bercadang akan menubuhkan skim subsidi bagi harga makanan ayam kepada petani-petani luar bandar.
- Menteri
- *16. Dr. Choo Kooi Fook minta/Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan menghalang bahagian penguatkuasa dari merobohkan rumah-rumah setinggan atas sebab-sebab perikemanusiaan dan sama ada beliau akan memastikan bahawa setinggan-setinggan ini akan diberi ganti tempat tinggal yang lain.
- *17. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dinding bangunan di Terminal No.2 telah mulai retak dan batu mar-mar terkupik dan masih belum diperbaiki.
- *18. Dato Haji Mohd.Nor Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa pistol dan revolver, senapang rifle dan senapang patah telah diberi lesen gunaan kepada orangramai untuk mengawal diri dan hartabenda.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT

"USUL URUSAN"

1. Menteri Tak Berpotfolio akan mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua perkara urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

/sh

ATURAN URUSAN MESYUARAT

1. (DR. 19/81) Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) - Menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb Januari, 1982)
2. (DR. 23/81) Rang Undang-undang (Perancangan) Wilayah Persekutuan Bacaan Kali Yang Kedua
3. (DR. 24/81) Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) "
4. (DR. 21/81) Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) "